



Keadaan ini sangat sukar ditemui di kebanyakan negara, hanya Malaysia masih memelihara budayanya dan menonjolkan kehidupan peribumi mereka seperti suku kaum Bateq yang hidup berpindah-randah

Koen Gerrits,
Pelancong dari Belanda

Orang Asli mesra tetamu

→ Pengalaman indah pelancong ke perkampungan suku Bateq di Taman Negara Kuala Tahan

BH

18/9/16

MLS 4-5

Oleh **Zubir Mohd Yunus**
zubir_yunus@bh.com.my

“Oo elah! Oo elah!” perkataan yang disorak oleh sekumpulan kanak-kanak Orang Asli suku kaum Bateq kepada penulis dan jurugambar selepas hampir dua jam kami bersama mereka.

Mereka kelihatan cukup seronok dan sangat berbesar hati menerima kedatangan tetamu luar.

Turut serta bersama kami adalah lebih 30 pelancong asing yang mahu mendekati budaya serta cara hidup mereka di Kampung Tersek Baru,

Kuala Tahan, Pahang.

Ungkapan ‘Oo elah’

Pada awalnya kami terpinga-pinga kerana tidak faham maksud perkataan itu, lalu pemandu pelancong yang juga seorang pengurus di Mutiara Taman Negara, Sabri Abdullah menjelaskan ‘Oo elah’ dalam bahasa suku kaum Bateq bermakna selamat pulang.

Pengalaman penulis sangat berharga atau jarang terjumpa dengan kehidupan Orang Asli suku kaum Bateq yang terus tinggal di dalam pondok kecil diperbuat daripada daun langkap yang dijadikan atap,

pintu atau dinding.

Kampung Tersek Baru mempunyai sembilan pondok termasuk untuk kelamin dan bujang.

Kehidupan sangat ringkas

Suku kaum Bateq mahir menggunakan sumpit untuk berburu di hutan, menjadikan monyet, tupai, kera dan burung sebagai sumber makanan.

Mereka juga tidak menggunakan pemetik api, sebaliknya kaedah kuno seperti rotan dan kayu meranti yang digesel selama beberapa minit untuk mengeluarkan haba, lalu terhasillah bara yang akhirnya

pelancong terutama dari Barat yang bertandang ke kampung mereka hampir setiap hari.

Warisan yang harus dipelihara

Pelancong dari Belanda, Koen Gerrits yang ditemui berkata, lazimnya menjelang musim panas setiap Julai dan Ogos, beliau akan menghabiskan percutiannya dengan mengembara ke negara yang kaya dengan alam semula jadi dan kali ini memilih Taman Negara Kuala Tahan apabila dimaklumkan usia hutan simpan berkenaan lebih tua daripada Hutan Amazon!

Fakta
nombor

90
peratus

pengunjung dari Mutiara
Taman Negara

RM5

bayaran yang dikenakan
kepada pelancong

5
kampung

Orang Asli di sepanjang
Sungai Tembeling

1km

jarak Kampung Tersek
Baru ke jeti Kuala Tahan

tebing Sungai Tembeling
dalam kawasan hutan
simpan Taman Negara

manakala pakaian yang
didisai di ampaian,
sesetengahnya dijadikan



Wanita dan kanak-kanak Orang Asli Bateq leka menyiapkan kraf tangan.

“Saya sangat bertukar
mereka memasak.

Sungai Tembeling
pula adalah sumber
utama untuk mereka
mendapatkan bekalan air,
mandi, mencuci pakaian
dan minuman, selain
pengangkutan utama
menggunakan perahu
jalur ke pekan Kuala
Tahan membeli barangan
keperluan harian.

Justeru, kehidupan
suku kaum Bateq yang
dikategorikan sangat
ringkas, jarang ditemui
dalam kehidupan serba
moden hari ini, berjaya
menarik perhatian

“Saya sangat bertukar
kerana di Taman Negara
Kuala Tahan masih ada
masyarakat Orang Asli
yang mengamalkan
cara hidup kuno.

“Keadaan ini sangat
sukar ditemui di keba-
nyakan negara, hanya
Malaysia masih memeli-
hara budayanya dan
menonjolkan kehidupan
peribumi mereka seperti
suku kaum Bateq yang
hidup berpindah-randah.

“Bagi saya, suku
kaum Bateq adalah
warisan yang harus
dipelihara, jangan
biarkan pupus,” katanya.



Suku Bateq tinggal di dalam pondok daun langkap.

kembara

Info

- ➔ Orang Asli suku kaum Bateq dipercayai berasal dari Papua New Guinea dan Indochina kira-kira 7,000 hingga 8,000 tahun dahulu.
- ➔ Selain suku kaum Bateq, suku kaum Semak Beri adalah antara komuniti

terbesar yang menghuni perkampungan Orang Asli di Taman Negara Kuala Tahan.

- ➔ Perbezaan ketara antara suku kaum Bateq dengan Semak Beri adalah berdasarkan kategori rambut mereka apabila Bateq mempunyai rambut keriting,

manakala Semak Beri berambut lurus.

- ➔ Perkampungan Orang Asli di Kampung Tersek Baru dan Kampung Dedari adalah paling ramai dan kerap dikunjungi pelancong terutama dari Belanda, Jerman dan Perancis.

Foto Saddam Yusoff/BH



Demonstrasi menyalakan api menggunakan rotan dan kayu meranti.



Pelancong Barat beramah mesra dengan kanak-kanak.





Kedatangan pelancong tingkat pendapatan

Wakil Tok Batin, Along Pinang bertindak sebagai jurucakap kami berkata, masyarakatnya yang sering menjayakan pelbagai demonstrasi di hadapan pengunjung menjelaskan, kehadiran pelancong asing yang bertali arus setiap hari, secara tidak langsung menambah pendapatan mereka.

Ini termasuk jualan kraf tangan seperti

sumpit pendek dan mata damak, lazimnya mendapat perhatian pelancong kerana ia dianggap barangan yang sangat jarang ditemui.

“Apabila ada sumber pendapatan daripada pelancong yang datang dari resort berdekatan, kami boleh beli barangan keperluan harian.


“Sekiranya kurang pelancong, aktiviti harian kami adalah

memburu, menjala ikan dan menghasilkan kraf tangan,” katanya yang sudah berumah tangga dengan pasangannya, Esah Man dan dikurniakan lima cahaya mata.

Mengikut kepercayaan suku kaum Bateq, remaja lelaki yang hebat berburu menggunakan sumpit dan menyalakan api menggunakan rotan serta kayu meranti, layak untuk berumah tangga.

Along (kiri) bersama pelancong yang cuba untuk menyempit.

Kedudukan di dalam pondok didiami Orang Asli Bateq.



Pelancong asing dari resort berhampiran menaiki perahu jalur menuju ke perkampungan Orang Asli.